

**A FAMILY LIFE MODEL BASED ON THE ESSENCE OF VERSE 71,
SURAH AL-TAWBAH**

**MODEL KEHIDUPAN BERKELUARGA BERDASARKAN INTIPATI AYAT 71,
SURAH AL-TAWBAH**

Norzulaili Mohd Ghazaliⁱ, Robiatul Adawiyah Mohdⁱⁱ, Mawaddah Abd Mananⁱⁱⁱ &
Abdoul Karim Toure^{iv}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. norzulaili@usim.edu.my
- ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. adawiyah@usim.edu.my
- ⁱⁱⁱ Calon Sarjana, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. mawaddahmanan97@gmail.com
- ^{iv} Profesor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. karim.toure@usim.edu.my

Received: 28 June 2024

Article Progress
Revised: 24 July 2024

Accepted: 28 August 2024

Abstract	<p><i>The happiness of the family institution is very important to ensure the well-being of a society. The dysfunction of this institution will have a negative impact on the lives of all family members. Therefore, to ensure the formation of an ideal, happy, and harmonious family, it needs a model based on the Quran, as authentic and reliable sources. Verse 71 of Surah al-Tawbah proposes the basic framework for the well-being of societal life. Therefore, it is very suitable to be implemented in the formation of families because the family institution shapes society. This article will explore the basic elements of societal well-being through verse 71 of Surah al-Tawbah so that it can be used as a complete guide for husbands and wives to navigate family life. The objective of the study is to explore the guidance for family formation by examining the linguistic aspects and the approaches of interpreters (mufassir) for verse 71 of Surah al-Tawbah. This study is qualitative in nature, using document analysis methods. The study findings show that the basic guidelines for family formation as proposed by verse 71 of Surah al-Tawbah encompass four characteristics: first, husbands and wives should complement each other; second, husbands and wives should always love each other; third, husbands and wives should always be obedient to Allah SWT; and fourth, husbands and wives should believe that by applying the guidance from verse 71 of Surah al-Tawbah, it will bring blessings and mercy into the household, ultimately leading to the entire family entering paradise.</i></p> <p>Keywords: Model, Family Life, Surah al-Tawbah.</p>
Abstrak	<p><i>Kebahagiaan institusi keluarga sangat penting bagi menjamin kesejahteraan sesebuah masyarakat. Kepincangan institusi ini akan memberi kesan negatif terhadap kehidupan seluruh anggota keluarga. Oleh yang demikian, bagi memastikan pembentukan sesebuah keluarga yang ideal, bahagia dan harmoni, ia perlu kepada satu model berdasarkan sumber autentik dan</i></p>

diyakini iaitu al-Quran. Ayat 71, Surah al-Tawbah menggagaskan kerangka asas kesejahteraan kehidupan bermasyarakat. Justeru ia amat sesuai untuk diimplimentasikan dalam pembentukan keluarga kerana institusi keluargalah yang membentuk masyarakat. Artikel ini akan mengupas elemen asas kesejahteraan kehidupan bermasyarakat menerusi ayat 71, surah al-Tawbah agar ia boleh dijadikan sebagai panduan yang lengkap bagi suami dan isteri untuk mengemudi kehidupan berumah tangga. Objektif kajian adalah untuk meneroka panduan pembentukan keluarga dengan menelusuri aspek bahasa dan pendekatan mufassir bagi ayat 71, Surah al-Tawbah ini. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan panduan asas pembentukan keluarga sebagaimana yang digagaskan oleh ayat 71, surah al-Tawbah meliputi 4 sifat iaitu pertama: suami dan isteri hendaklah bertindak sebagai pelengkap antara satu sama lain, kedua: suami dan isteri hendaklah sentiasa berkasih sayang, ketiga: suami dan isteri hendaklah sentiasa melakukan ketaatan kepada Allah SWT dan keempat: suami dan isteri hendaklah yakin bahawa dengan mengaplikasikan panduan daripada ayat 71, Surah al-Tawbah ini akan membawa kepada rahmat dan berkat dalam rumahtangga yang kemucaknya adalah masuk syurga seisi keluarga.

Kata kunci: Model, Kehidupan Berkeluarga, Surah al-Tawbah.

PENGENALAN

Setiap mukmin adalah bersaudara sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat 10, Surah al-Hujurat yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara*”. Persaudaraan ini didasari oleh kesatuan akidah, iaitu beriman dengan Allah SWT. Lantaran kesatuan akidah ini membuahakan ukhuwah sesama saudara seagama. Oleh yang demikian, setiap individu mukmin hendaklah berbuat baik sesama sendiri. Mereka hendaklah menjaga kesejahteraan, keamanan dan keharmonian dalam hidup tidak kira sama ada mereka berada dalam kelompok besar (masyarakat) mahupun kelompok kecil (keluarga).

Antara ayat yang memberi panduan ke arah kehidupan yang sejahtera dan harmoni khususnya sesama individu mukmin ialah ayat 71, surah al-Tawbah. Ayat ini menekankan bahawa setiap individu mukmin tidak kira lelaki mahupun wanita hendaklah bekerjasama dan menjadi pelindung, penolong dan pembantu antara satu sama lain dalam urusan agama mahupun urusan kehidupan.

Difahami menerusi intisari ayat ini, kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat akan terealisasi dengan menjaga *habl min Allah* dan juga *habl min al-nas*. Apabila Allah SWT menyifatkan setiap individu mukmin berukhuwah atas nama iman, Allah SWT menegaskan ciri-ciri ukhuwah yang sedemikian iaitu sentiasa berpesan kepada kebaikan, mengingatkan tentang kemungkaran, sentiasa menjaga hubungan dengan Allah SWT dengan melakukan solat sesempurna yang mungkin dan sanggup mengeluarkan zakat untuk kestabilan ekonomi.

Huraian di atas menunjukkan bahawa panduan yang terdapat dalam ayat 71, Surah al-Tawbah ini adalah satu panduan yang komprehensif, yang perlu diterapkan bagi membina sebuah masyarakat yang harmoni. Justeru ia amat sesuai untuk diimplimentasikan dalam pembentukan keluarga kerana institusi keluargalah yang membentuk masyarakat. Bagi tujuan untuk memperincikan panduan ini, artikel ini akan menganalisis ayat 71, Surah al-Tawbah menerusi dua aspek iaitu kupasan dari sudut bahasa dan juga kupasan dari sudut pandangan *mufassirin* (ahli tafsir).

PENYATAAN MASALAH

Kebahagiaan institusi keluarga sangat penting bagi kesejahteraan sesebuah masyarakat. Hal ini disebabkan kesejahteraan masyarakat pada umumnya bermula daripada kedamaian dan kesejahteraan yang terbina dalam kehidupan berkeluarga. Adapun, kepincangan institusi ini

akan memberi kesan negatif kehidupan seluruh anggota keluarga; suami, isteri mahupun anak-anak (Norhalina, 2015).

Dalam membentuk keluarga yang ideal, penghayatan agama antara aspek terpenting yang perlu diberi perhatian. Aspek keagamaan sering dikaitkan dengan perkembangan personaliti yang positif, pencapaian kerja yang baik, dan kesejahteraan mental serta fizikal dalam memimpin sesebuah keluarga. Pelaksanaan tanggungjawab suami dan isteri berkait rapat dengan dimensi spiritual. Malah, pengabaian atau ketidaksempurnaan dalam menjalankan tanggungjawab menjadi punca keruntuhan institusi keluarga (Mariam et al, 2018). Sebagai solusi, masalah kepincangan keluarga perlu diselesaikan bermula daripada peringkat asas seperti pemantapan asas pembinaan keluarga (Wan Abdul Fattah et al., 2023).


Justeru, bagi memastikan pembentukan sesebuah keluarga yang ideal, bahagia dan harmoni, ia perlu kepada satu model berdasarkan sumber autentik dan diyakini iaitu al-Quran. Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan model kehidupan berkeluarga yang dapat diadaptasi daripada intipati Ayat 71, Surah al-Tawbah. Ini kerana ayat ini memberi panduan yang komprehensif ke arah kehidupan yang sejahtera dan harmoni khususnya sesama individu mukmin. Suami dan isteri adalah termasuk dalam makna *mukminin* dan *mukminat* yang disebut dalam ayat 71, Surah al-Tawbah. Justeru, setiap sifat orang *mukminin* dan *mukminat* yang telah disebut oleh Allah SWT menerusi ayat ini perlu difaham dan dihadam oleh pasangan suami dan isteri. Semua sifat ini merupakan elemen yang perlu ada bagi memastikan kerjasama antara suami dan isteri sentiasa berada pada tahap yang cemerlang.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Ayat 71, Surah al-Tawbah dianalisis menerusi dua aspek iaitu aspek bahasa dan aspek kupasan dan pandangan ahli tafsir (*mufassirin*) terhadap ayat ini.

Ketika menganalisis ayat ini merusi aspek bahasa, penulis menjadikan buku *Asrar al-Bayan fi Ta'bir al-Qur'ani*, karangan al-Samara'i sebagai rujukan utama. Manakala bagi tujuan mendapatkan pandangan dan kupasan ulama terhadap ayat ini, penulis merujuk kepada beberapa rujukan, *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir al-Maraghi*, *Tafsir al-Razi* dan *Bahr al-Muhith fi Tafsir*.

Seterusnya, dapatan daripada analisis dari aspek bahasa dan huraian ahli tafsir dikategorikan ke beberapa tema yang merupakan elemen bagi model pembentukan keluarga berdasarkan Ayat 71, Surah al-Tawbah. Gambaran keseluruhan proses analisis dan pembentukan elemen model adalah seperti berikut:



Rajah 1: Proses Analisis Pembangunan Model Kehidupan Berkeluarga Berdasarkan Ayat 71, Surah al-Tawbah

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kehidupan Bekerluarga Berdasarkan Intipati Ayat 71, Surah al-Tawbah

﴿وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ﴾

Maksudnya: *Dan orang yang beriman dalam kalangan lelaki dan perempuan, sebahagiannya menjadi pelindung kepada setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kemungkaran; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka ini adalah golongan yang akan dirahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana* (al-Quran: al-Tawbah: 71).

Allah SWT menceritakan sifat orang Islam dalam surah ini dengan menggunakan perkataan “*mukminun*” dan “*mukminat*”. Dari sudut *i’rab*, ia adalah *muftada’* (subjek) (Darwisy, 1996). Disebutkan dengan al-*mukminun* kerana ia berlawanan dengan perkataan “*al-munafiqun*” yang disebutkan pada ayat sebelumnya. Hal ini kerana orang munafik seperti yang diketahui mereka yang dilihat secara zahir adalah Islam. Disebabkan itu tidak digunakan perkataan “*al-muslimun*” yang berlawanannya adalah al-*kafirun*.

Ayat 71, Surah al-Tawbah menjelaskan sifat yang perlu ada pada diri setiap mukmin dalam menjalani tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Sifat ini jugalah yang perlu diimplimentasikan oleh suami dan isteri dalam kehidupan berkeluarga kerana keluarga adalah merupakan entiti kecil kepada masyarakat. Justeru, panduan asas pembentukan keluarga sebagaimana yang digagaskan oleh ayat 71, Surah al-Tawbah boleh digambar seperti berikut:

Pembela Antara Satu Sama Lain

Perkataan “*auliya*” adalah *jama’* (banyak) daripada perkataan *mufradnya* (tunggal) iaitu “*wali*” yang bermaksud penolong, atau yang bermaksud dekat (al-Razi, 1999). Penyebutannya dalam bentuk *jama’* kerana disebutkan sebelumnya “*mukminin*” dan “*mukminat*” juga dalam bentuk *jama’*. Ia merupakan kata terbitan dari “*al-wala*” (الولاء) yang bermaksud kerendahan dan pendekatan. Adapun, asal bagi perkataan tersebut ialah “*al-walayah*” yang membawa maksud kasih sayang, tolong-menolong dalam kondisi sulit, persaudaraan dan saling mengasihi (al-Zuhaili, 2002). Maksud ini selari dengan maksud yang diberikan oleh Ibn Abbas, ﴿بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ﴾ bermaksud rahmah dan kasih sayang (al-Zuhayli, 2004). Sementara, maksud berlawanan bagi perkataan “*auliya*” pula adalah “*adawah*” (permusuhan) (Al-Jamharah, 2023). Menurut Ibn Ashur (1984), ayat ini mengungkapkan bahawa orang mukmin dan mukminat adalah penolong antara satu sama lain isyarat kepada tali persaudaraan yang menghimpunkan mereka iaitu persaudaraan Islam.

Sementara itu, frasa ﴿وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ﴾ adalah *jumlah ismiyah* yang mengandungi maksud yang tetap dan berterusan (al-Samara’i, n.d). Berterusan yang dimaksudkan di sini ialah ia tidak terganggu oleh sebarang kesibukan (al-Samara’i, 2003). Berdasarkan maksud tersebut, dapat difahami bahawa orang mukmin sama ada lelaki atau wanita mereka berkasih sayang dan menolong antara satu sama lain dan sifat ini tetap dan berterusan.

Menurut Sayed Qutb (1999), perkataan “*أَوْلِيَاءُ*” menuntut kesanggupan dan keberanian untuk memikul tanggungjawab dan bersedia bersusah payah untuk kebaikan. Inilah keistimewaan orang mukmin berbanding orang munafik. Qurtubiy menyebut bahawa orang munafik sangat lemah, tidak ada dalam hati mereka perasaan inginkan kebaikan pada orang lain. Bahkan mereka sombong dan sentiasa pentingkan diri sendiri (al-Qurtubi, 1999). Nabi SAW juga menggambarkan ikatan antara orang mukmin menerusi sabda Baginda yang berbunyi:

{المؤمن للمؤمن كالبنیان یشدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّكَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ}

Maksudnya: “Mukmin yang satu dengan yang lainnya bagaikan sebuah bangunan yang saling memperkuat antara sebahagian dengan sebahagian yang lainnya. Iaitu (Rasulullah SAW) ‘tasybik jari-jemarinya’ (menggenggam sambil menyilang jari dengan bertemu telapak tangan kanan dan kiri)” (Hadith. al-Bukhari. 2446).

Dalam hadis lain, Baginda SAW menyebut:

{مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ، كَمَثَلِ الْجَسَدِ الْوَاحِدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالْحَمَى وَالسَّهْرِ}

Maksudnya: “Perumpamaan orang-orang mukmin dalam hal saling mencintai, mengasahi, dan menyayangi bagaikan satu tubuh. Apabila ada salah satu anggota tubuh yang sakit, maka seluruh tubuhnya akan ikut terjaga (tidak boleh tidur) dan panas (turut merasakan sakitnya)” (Hadith. Muslim. 4685).

Justeru, dalam kehidupan berumahtangga, sepasang suami isteri adalah mewakili individu mukmin bagi sebuah keluarga. Setiap daripada suami hendaklah menjadi pelindung kepada isteri, juga kepada anak-anak. Begitu juga isteri hendaklah menjadi pelindung kepada suami dan anak-anak dalam kadar yang sesuai dengan kedudukan mereka sebagai isteri. Kedua suami dan isteri saling menjadi pelengkap antara satu sama lain.

Selain daripada itu, penggabungan *jumlah ismiah* dan *jumlah fi'liyah* pada ayat 71, Surah al-Tawbah ini bermaksud proses menggapai kebahagiaan dan keharmonian adalah proses berterusan dan perlu sentiasa diperbaharui.

(a) Al-Takamul Antara Suami Isteri

Konsep bertolong bantu dan lengkap melengkapi sesama mukmin juga diterapkan oleh suami dan isteri dalam kehidupan berumahtangga melalui pendekatan *al-takamul*. *Al-Takamul* berasal daripada perkataan “*ka ma la*” yang bermaksud menyempurnakan antara satu sama lain tanpa memerlukan pihak luar untuk penyempurnaan.

Berdasarkan ayat ini Abu Ja'far berkata: mukmin dan mukminat yang dimaksudkan dalam ayat ialah mereka yang beriman kepada Allah, Rasul-rasul dan kitabNya. Tambahnya, antara sifat mereka yang dinyatakan dalam ayat ini ialah menolong antara satu sama lain dalam melakukan kebaikan (al-Thabari. n.d). Sifat ini penting dalam kehidupan rumahtangga yang memenuhi fitrah manusia kerana padanya terdapat keterlibatan kedua-dua jantina dalam mencapai hidup yang sempurna. Rumahtangga yang aman dan damai ialah gabungan antara kuatnya lelaki dan lembutnya wanita. Lelaki mencari dan perempuan mengatur (HAMKA, 2022).

Dalam menjalani kehidupan rumahtangga, isteri perlulah menolong suaminya sama ada senang atau susah supaya kedua-duanya mengharungi pahit manis kehidupan bersama-sama. Dalam konteks rumah tangga, dalam usaha mencapai takamul dalam menguruskan aktiviti harian di rumah, seorang wanita (isteri atau ibu) harus memiliki emosi yang stabil dan juga keyakinan diri yang tinggi. Manakala suami pula, tugasnya bukan semata memenuhi keperluan isteri seperti makanan dan pakaian mengikut kadar kemampuannya (Ahmad Ya'qub, 2017). Bahkan, suami perlu melayani isterinya dengan lemah lembut, bermanis muka dan berbuat kebajikan.

Di samping itu, suami dan isteri digalakkan untuk berbincang mengenai urusan keluarga dan hal-hal lain supaya dapat mengurangkan tekanan seperti yang dilakukan oleh Nabi SAW dan Ummu Salamah pada perjanjian Hudaibiyah. Perbincangan yang dilakukan Rasulullah SAW bersama Ummu Salamah tidak mengurangi nilai kekeluargaan Baginda SAW, sebaliknya Baginda memuliakan isterinya dengan penglibatannya dalam menentukan

keputusan hidup. Kerjasama seumpama ini juga meletakkan wanita sebagai penguat suaminya, sekaligus bertindak sebagai faktor mencapai kebahagiaan hidup.

(b) *Al-Ta'awun* Antara Suami Isteri

Bertolong bantu sesama mukmin dalam ayat 71, surah al-Tawbah boleh diimplimentasikan menerusi pendekatan *al-ta'awun* antara suami isteri. *Al-ta'awun* bermaksud saling bantu-membantu antara dua pihak atau lebih. Dalam konteks kekeluargaan, pengurusan rumahtangga akan menjadi mudah dengan adanya sikap saling tolong-menolong antara ahli keluarga. Perlu difahami, pengurusan rumahtangga bukanlah terletak pada bahu isteri atau ibu semata. Bahkan dalam Islam, tugas menguruskan rumahtangga tidak dikira sebagai tugas wajib seorang isteri atau ibu. Sebaliknya ia dilakukan atas kerelaan isteri dalam melaksanakan tugas tersebut secara sukarela demi kelangsungan hidup berumahtangga (al-Nahlawi, 2007).

Suami boleh memberikan kerjasama kepada isteri dalam dua bentuk. Pertama, dengan cara sama-sama melakukan kerja domestik seperti membasuh, membersihkan dan mengemas rumah, menjaga anak-anak dan apa sahaja kerja yang boleh dilakukan. Kedua, menjaga perasaan dan emosi isteri dengan cara mewujudkan persefahaman, sentiasa berbincang dan menzahirkan kasih sayang. Kajian menunjukkan sokongan dan bantuan suami dalam kedua-dua keadaan ini berjaya menggembirakan isteri sekaligus meringankan bebanan tugas yang dihadapi oleh ibu bekerjaya. Bahkan sokongan pasangan ini juga dilihat dapat menghilangkan kebimbangan ibu bekerjaya dalam mengimbangi peranan mereka sebagai isteri dan pekerja dalam satu masa (Noraini, 2001).

Dalam hal berkaitan dengan ahli keluarga yang turut menyumbang tenaga dalam pengurusan rumahtangga, Rasulullah SAW adalah teladan terbaik. Dalam sebuah hadis yang berbunyi:

{عن الأسود بن يزيد، سألت عائشة رضي الله عنها: ما كان النبي صلى الله عليه وسلم، يصنع في البيت؟ قالت: كان يكون في مهنة أهله، فإذا سمع الأذان خرج}

Maksudnya: *Al-Aswad bertanya kepadanya: Apa yang rasulullah SAW lakukan dalam keluarganya? Aisyah menjawab: 'Baginda selalu membantu pekerjaan rumah isterinya, apabila mendengar azan baginda keluar'* (Hadith. al-Bukhari. 6412).

Difahami daripada hadis ini bahawa Nabi SAW melakukan kerja rumah bagi meringankan tugas isteri dalam aktiviti menyapu dan mengemas rumah. Ini kerana jika terdapat penglibatan orang lain dalam perancangan dan keseimbangan antara kewajipan keluarga dan kewajipan kerjaya pasti akan mencapai tahap keseimbangan yang lebih luas. Dalam pengurusan rumah tangga, antara bentuk *ta'awun* (pertolongan) ialah suami menolong isteri dalam hal ehwal mengurus urusan rumah. Keterlibatan suami dalam urusan rumah boleh mengelakkan isteri daripada mengalami tekanan (D. Quin Miles et al. 2004).

Saling Berkasih Sayang

Ayat 71, Surah al-Tawbah menggambarkan Sifat Orang Mukmin Sentiasa Berkasih Sayang dan Bertolong Bantu. Menerusi ayat 71 ini, Allah SWT menyebut sifat orang mukmin yang saling bertolong bantu dan kuat menguat antara satu sama lain (Ibn Kathir, 1999). Mereka adalah saudara seagama (al-Tawil, 2000). Al-Qurtubi semasa menerangkan ayat ini menyebut bahawa iman yang ada dalam hati seorang mukminlah yang menjadikan mereka saling sayang menyayang, bantu membantu dan hormat menghormati sesama mereka (al-Qurtubiy, 1999).

Asas berkasih sayang antara suami dan isteri dapat difahami dalam perintah Allah SWT makruf pada ayat 19 Surah An-Nisaa: ﴿وَعَايِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾ yang bermaksud “..dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Menurut Syeikh al-Mutawalli al-Sha'rawi ayat ﴿وَعَايِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾ bermaksud perlakukan yang baik

terhadap isteri walaupun kamu tidak menyayanginya kerana kalimah *bil makruf* lebih luas maknanya daripada kalimah *mawaddah* di mana kalimah *mawaddah* bermaksud berbuat baik kepada orang yang disayangi, manakala kalimah *makruf* berbuat baik kepada isteri walaupun kamu tidak menyayanginya lagi (al-Sha'rawi, 2004).

Menurut al-Maraghi, harus mempergauli isteri dengan cara yang mereka senangi, tetapi tidak bertentangan dengan hukum syarak dan adat dalam masyarakat yang tidak bercanggah dengan Islam. Selain itu ia juga menjelaskan cara komunikasi terhadap isteri dengan memperelokkan tutur kata dan tingkah laku terhadap isteri dengan baik dan penuh kasih sayang. Kemudian al-Maraghi menjelaskan juga bahwa dalam kalimah *al-mu'asyarah*, terkandung pengertian *musyarakah* dan *musawah* (komunikasi/interaksi) iaitu pergauliliah mereka dengan cara yang baik dan hendaknya mereka pun mempergauli suami dengan cara yang sama. Untuk itu, wajib bagi pasangan suami isteri menjadi penghibur dan pephapus duka bagi pasangannya (al-Maraghi, 1997).

Selain daripada itu, termasuklah dalam tuntutan ﴿وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾ kewajipan para suami memberi nafkah kepada isteri merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal yang selesa untuk didiami. Menyediakan segala keperluan isteri dengan baik sebagaimana suami sediakan yang baik untuk dirinya sendiri. Kalau dalam konteks masyarakat, kewajipan mengeluarkan zakat sebagai medium pertolongan dalam bentuk material, manakala dalam konteks keluarga, suami sebagai ketua keluarga memberi nafkah kepada isteri.

Para mufassirin juga menegaskan bahawa suami haruslah bersikap ihsan dalam komunikasi bersama isteri. Suami juga tidak boleh mendatangkan kecederaan emosi terhadap isteri seperti menyakiti hati isteri, memaksa isteri melakukan sesuatu yang dilarang dalam Islam, membiarkan isteri tanpa memberi nafkah zahir dan batin tetapi tidak diceraikan, mengambil harta isteri tanpa keizinannya, menyulitkan keadaan isteri (al-Baghawi, 2002).

Dalam konteks berumahtangga, suami atas kapasiti seorang mukmin (seperti dalam ayat 71, surah al-Tawbah) harus memainkan peranan memupuk, menyebarkan dan memekarkan kasih sayang kepada isteri atas kondisi isteri sebagai mukminah (seperti dalam ayat 71, surah al-Tawbah). Seandainya para suami boleh bergaul dan berkomunikasi dengan isteri sebagaimana panduan yang terdapat pada ayat ﴿وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾, nescaya isteri juga akan melakukan perkara yang sama kepada suami. Begitulah timbal balik dalam kehidupan berumahtangga, suami yang menjalankan tanggungjawab dengan sempurna dan menjaga semua hak isteri, pasti akan berasa bahagia kerana sentiasa didampingi oleh isteri yang baik lagi solehah.

Sentiasa Melakukan Ketaatan Kepada Allah SWT

Allah SWT menyebut tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh orang mukmin. Ia adalah seperti berikut:

(a) Menerusi Ayat ﴿يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ﴾

Orang mukmin memikul tanggungjawab untuk memastikan kehidupan mereka sentiasa aman bahagia dengan sering menyeru kepada perkara kebaikan dan menjauhi segala yang membawa kepada porak peranda dan perpecahan. Tanggungjawab ini tidak mungkin boleh direalisasikan sekiranya tiada dalam hati orang mukmin sifat kasih dan sayang. Sekiranya orang mukmin meninggalkan tanggungjawab *amar ma'ruf dan 'nahi munkar*, mereka sebenarnya sudah tersasar daripada fitrah seorang mukmin yang sebenar. Dan meminggirkan tanggungjawab ini akan membawa kepada perpecahan sesama umat Islam (al-Baghawi, 2002).

Ini selari dengan firman Allah SWT yang berbunyi:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: “dan hendaklah ada antara kamu satu golongan yang menyeru kepada kebaikan, dan menyuruh manusia berbuat makruf, serta melarang mereka daripada segala perkara mungkar. Dan mereka itulah golongan yang berjaya” (al-Quran. Āli ‘Imrān: 104).

Ayat ﴿يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ﴾ yang disebutkan dalam bentuk *jumlah fi’liyah* mengandungi maksud memperbaharui dan berterusan (al-Samara’i, n.d). Dengan demikian, ayat ini menjelaskan orang mukmin sama ada lelaki atau wanita adalah mereka yang melakukan perkara seperti yang disebutkan dengan cara sentiasa memperbaharuinya. Abu al-Aliyah berpendapat, setiap yang dikatakan dalam al-Quran tentang “*amar ma’ruf*” semuanya mengandungi maksud seruan daripada syirik kepada Islam (Abu Hayyan, 1999). Sedangkan, apa yang disebutkan “*nahi munkar*” ialah larangan daripada menyembah berhala dan syaitan (al-Qurtubiy, 1999).

Justeru, dapat difahami bahawa tindakan menyeru kepada kebaikan, dan menyuruh manusia berbuat makruf, serta melarang mereka daripada segala perkara mungkar bermula dengan penekanan kepada akidah yang benar. Sehubungan dengan itu, seorang suami hendaklah memastikan iklim kehidupan dalam keluarga mereka sentiasa terhindar daripada perkara yang boleh mengundang kemurkaan Allah SWT.

HAMKA (2020) menyebut semangat tolong-menolong, kasih mengasihi termasuk perbuatan menyuruh kepada kebaikan (makruf). Sementara bersepakat melakukan ketaatan dan saling menjauhi perkara yang tidak disukai Allah SWT termasuk dalam perbuatan melarang daripada perkara mungkar.

(b) Menerusi Ayat ﴿وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ﴾

Al-Tabari menyebut, yang dimaksudkan dengan mendirikan solat adalah mendirikan solat fardhu. Begitu juga perintah mengeluarkan zakat adalah mengeluarkan zakat fadhu (al-Thabari, 1999). Solat bertujuan membina hubungan yang utuh dengan Allah SWT, manakala zakat mampu mewujudkan hubungan sosial yang kuat sesama orang Islam (Sayyid Qutb, 1999). Terkandung di dalam ayat ini seruan mengukuhkan hubungan dengan Allah (*habl min Allah*) dan hubungan sesama manusia (*habl min al-nas*) (HAMKA, 2020).

Dalam konteks kehidupan berkeluarga, mengeluarkan zakat dalam ayat 71, Surah al-Tawbah ini boleh dikaitkan dengan tanggungjawab suami dalam menafkahi dan menyara keperluan isteri dan anak-anak.

Manakala ﴿وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ﴾ bermaksud mentaati Allah SWT dan rasulNya dan sentiasa menjadikan al-Quran dan sunnah Nabi SAW sebagai panduan. Ini adalah asas paling utama dalam setiap percakapan mahupun tindak tanduk orang mukmin. Perintah agar mukmin menyuruh berbuat kebaikan, melarang daripada berbuat kejahatan, mendirikan sembahyang dan memberi zakat adalah terkandung dalam perkaratan ketaatan (al-Razi, 1999). Ketaatan inilah yang menghasilkan rumah tangga yang isinya sentiasa melakukan tindakan atas dasar taat dan tidak menyimpang daripada ajaran syarak (HAMKA, 2020).

Yakin Akan Ganjaran Rahmat Daripada Allah SWT

Penghujung ayat ayat 71, Surah al-Tawbah, Allah SWT menjanjikan rahmat bagi orang mukmin yang memiliki semua sifat yang terdapat dalam ayat ini. Begitu jugalah, sebuah keluarga yang suami isteri sebagai ahlinya, mereka juga akan beroleh rahmat Allah SWT andai mereka mengimplimentasikan dalam kehidupan berumah tangga sifat orang mukmin yang disebut dalam ayat ini. Ini kerana sifat-sifat ini merupakan elemen-elemen yang diperlukan bagi sebuah kebahagiaan dan keharmonian sama ada dalam kehidupan bermasyarakat mahupun kehidupan berkeluarga.

Perkataan ﴿سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ﴾ dalam ayat 71, Surah al-Tawbah ini menunjukkan kepastian akan kurniaan rahmat bagi orang mukmin yang menyeru kepada kebaikan, melarang kemungkaran, mendirikan solat lima waktu, mengeluarkan zakat serta mentaati Allah SWT dan rasul-Nya dalam perkara wajib atau sunat. Setiap amalan ketaatan dan kebaikan yang dilakukan oleh orang mukmin lelaki dan wanita akan menyebabkan mereka pasti dan

berterusan dalam rahmat Allah SWT. Itu adalah janji dan jaminan daripada Allah SWT yang pasti buat mereka kerana Dia berkuasa menentukan ganjaran dan azab ke atas hamba-hambaNya (al-Zamakhyari, 1997).


Huruf *س* (*sin*) adalah huruf yang digandingkan dengan *fi'il mudhari'* yang memberi maksud akan datang (Ibn Hisyam, 1992). Ia membawa makna *ta'kid* (penegasan) dan *mubalaghah* (sangat) (al-Zuhayli, 2002). Ayat ﴿سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ﴾ adalah janji pasti daripada Allah SWT yang akan mengurniakan rahmat dan balasan baik kepada individu mukmin yang memiliki sifat-sifat yang disebut di awal ayat 71, Surah al-Tawbah ini. Mereka yang dikurniakan rahmat akan memiliki jiwa yang tenteram (HAMKA, 2020).

Suami dan isteri yang taat kepada perintah Allah, amanah dalam menjalankan tanggungjawab, menafkahi isteri dan anak, sentiasa menyuruh kepada kebaikan dan berusaha menjauhi larangan, nescaya akan mendapat kesudahan yang baik sebagaimana janji Allah SWT menjanjikan kepada orang-orang yang beriman.

PENUTUP

Menerusi perbincangan ayat 71, Surah al-Tawbah dari sudut bahasa dan dari sudut kupasan ahli tafsir dapat dirumuskan bahawa individu mukmin sama ada lelaki atau perempuan adalah pelindung dan penolong antara sata sama lain. Mereka berkasih sayang antara satu sama lain. Iman adalah sandaran kepada kasih sayang mereka. Mereka berukhuwah kerana agama. Mereka saling berpesan-pesan kepada kebaikan dan bersungguh-sungguh menjauhi larangan. Mereka mengeluarkan zakat bertujuan untuk meringankan beban kesusahan hidup saudara seagama. Mereka juga sentiasa meletakkan perintah dan larangan Allah serta panduan yang dibawa oleh Rasulullah SAW sebagai panduan dan matlamat hidup. Mereka melakukan semua perintah ini kerana mereka yakin akan balasan pahala yang menanti mereka di akhirat kelak.

Sebagaimana sifat orang mukmin yang digambarkan menerusi ayat 71, Surah al-Tawbah, begitulah juga suami dan isteri juga perlu mengimplimentasi perkara yang sama dalam rumahtangga. Justeru, model pembentukan keluarga berdasarkan intipati ayat 71, Surah al-Tawbah dapat digambarkan seperti berikut:



Rajah 2: Model Pembentukan Keluarga Berdasrkan Intipati Ayat 71, Surah Al-Tawbah

Model pembentukan keluarga ini selari dengan dapatan kajian Mohd Dahlan (2020) yang menyatakan keluarga bahagia adalah keluarga yang mampu berkomunikasi dengan baik dan sejahtera spiritual, fizikal dan minda.

Model pembentukan keluarga ini juga meliputi komponen *habl min al-Allah* dan *habl min al-nas*. Suami dan isteri mesti mengukuhkan hubungan mereka dengan Allah SWT iaitu dengan memperbanyakkan melakukan ketaatan dan berusaha mempertingkatkan mutu dan kualiti solat sebagai usaha untuk menjadikan solat sebagai penghalang untuk mencegah kejahatan dan kemungkaran. Suami juga hendaklah mengeluarkan nafkah menyara isteri dan anak-anak. Kesemua perkara ini penting dalam pembentukan keluarga yang bahagia. Kajian Nur Zahidah dan Raihanah (2011) menegaskan keluarga bahagia dalam Islam adalah hasil daripada penggabungan iman dan amal. Iman yang merangkumi aspek akidah dan ilmu merupakan penggerak utama dalam menjaga hubungan antara manusia termasuk hubungan dalam kekeluargaan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia di bawah Skim Geran FRGS (Fundamental Research Grant Scheme) (FRGS/1/2020/SSIO/USIM/02/1) bertajuk "Model Baharu Pengekstrakan Makna Kontekstual Hadis Peranan Wanita Dalam Domain Kekeluargaan Berdasarkan Pendekatan Ontologi".

RUJUKAN

Buku

- Abu Hayan, M. Y. (1999). *Bahr al-Muhith fi Tafsir*. Bayrut: Dar al-Fikr, 5/459.
- Ahmad, Y. (2017). *Kitab Adab Perempuan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- al-Bukhari, A. 'A. M. I. I. (1958). *Sahih al-Bukhari*. Misr: Mustafa al-Babiyy wa Awladuhu.
- al-Darwisy, M. (1996) *I'rab al-Quran Wa Bayanuh*. Dimasyq: al-Yamamah li al-Tiba'ah
- al-Maraghi, A. M. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Kaherah: Syirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabiy.
- al-Mawardi, A. H. A. M. (t.t). *al-Nukat wa al-'Uyun*. Tahqiq: al-Sayyid Ibn Abdul Maqsd. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Nahlawi, 'A. R. (2007). *Usul Tarbiyah Al-Islamiyah Wa Asalibuha Fa Al-Bait Wa Madrasah Wa Mujtami'*. Dar fikr.
- al-Samara'i, F. S. (2003) *Lamsat Bayaniyah fi Nusus min al-Tanzil*. Oman: Dar 'Amar lil Nasyr wa Tauzi', 164.
- al-Samara'i, F. S. (n.d). *Asrar al-Bayan fi Ta'bir al-Qur'ani*. N.p.
- al-Thabari. (n.d). *Jami' al Bayan 'an Ta'wil Aya Quran*. Mekah: Dar Tarbiah wa Turath.
- al-Wahidi, A. H. A. A. (2019). *Tafsir al-Basith*. Jamiah Imam Muhammad bin Sa'ud. 'Imadah al-Bahth al-Ilm, 10/548
- D. Quinn Milss, Kirstin R. Hornby, Sasha K. Mattu. (2004). *Having It All...and Making It work*. 1st Print. U.S.A. Pearson Education .
- HAMKA. (2022). *Buya Hamka Berbicara Tentang Perempuan*. Selangor: Jejak Tarbiah.
- HAMKA. (2022). *Tafsir Surah At-Taubah Dan juzuk 10*. Selangor: PTS Publishing House.
- Ibn Ashur, M. T. M. (1984). *Al-Tahrir wa Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunisiyah lil Nasyr, 10/262
- Ibn Hisyam. (1992), *Mughniy al-Labib*, Bayrut: Dar Fikr.
- Mohd Dahlan, A. M. (2020). *Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera*. Dlm: *Dinamika Keluarga Pada Masa Pandemik Covid-19*. UM Jakarta Press. Pp. 36-44
- Zamakhsyari, M. U. (1992). *Al-Kasyaf*. Bayrut: Dar Kitab al-Arabi, 2/289

Jurnal

Nur Zahidah & Raihanah, A. (2011). Model keluarga bahagia menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 25-44.

Wan Abdul Fattah, W. I., Zuriatunfadzliah, S., Ahmad Syukran, B., Lukman, A. M., Nik Salida Suhaila, N. S., Zulfaqar, M., Syh Noorul Madihah, S. H., & Mohamad Aniq, A. A. (2023). Keruntuhan institusi kekeluargaan dan perzinaan remaja Muslim di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(1), 19-38.

Laman Sesawang

al-Jamharah: Ma'lamah Mufradat al-Muhtawa al-Islami. (2023). Auliya'. <https://islamic-content.com/dictionary/word/11261> (diakses pada 20 Jun 2024)

al-Samara'i, F. S. (2023). Farqu baina "al-Muslimin wa Muslimat" wa "al-Mukminin wa Mukminat" fi al-Isti'mal al-Qurani. Educational video. <https://bitly.ws/UJko> (diakses pada 20 Jun 2024)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.